

08/08/2001

Dinar mampu ganti mata wang Barat

GEORGETOWN, Selasa - Sistem kewangan Islam yang bersandarkan nilai emas dan perak dijangka digunakan secara meluas di seluruh dunia pada 2004 sebagai sistem alternatif menggantikan sistem kewangan Barat.

Sejak sistem itu diperkenalkan tiga tahun lalu melalui laman web di Internet, ia kini semakin diterima masyarakat antarabangsa apabila lebih 200,000 orang di 160 negara, termasuk Amerika Syarikat menyertai sistem yang menggunakan dinar emas dan perak dalam urusan kewangan mereka.

Pengasas dan Presiden E-Dinar.Com, Prof Dr Umar Ibrahim Vadillo yang berpusat di Dubai, berkata sistem kewangan berasaskan dinar emas dan perak yang diperkenalkan oleh Khalifah Umar Ibnu Khattab sejak kira-kira 1,400 tahun lalu kini mendapat sambutan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Beliau berkata, berbanding dolar Amerika Syarikat yang bersandarkan kepada sesuatu yang tidak nyata dan sentiasa naik turun serta bersifat spekulatif, dinar emas dan perak sebaliknya mempunyai nilai stabil yang mampu dipertahankan sejak kira-kira 400 tahun lalu.

"Oleh kerana sistem kewangan Islam bersandarkan kepada nilai emas dan perak yang lebih kukuh kedudukannya, kini sistem kewangan Islam semakin diterima umum oleh masyarakat Islam dan bukan Islam di seluruh dunia.

"Malah, sejak kira-kira dua bulan lalu laman E-Dinar.Com yang kami perkenalkan menerima lebih 300 peserta baru dari negara seluruh dunia.

"Lebih-lebih lagi selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya sistem itu diperkenalkan, terutama di negara Islam sebagai sistem alternatif menggantikan dolar Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis syarahan umum Shaykh Abdalqadir as-Sufi bertajuk 'Pengembalian Fiskal Islam' di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, hari ini.

Siri syarahan umum peringkat antarabangsa anjuran USM kali keempat itu adalah program yang dirancang bagi menyebarkan dan mendedahkan pengetahuan kepada masyarakat umum ke arah mengeratkan hubungan dua hala antara universiti dan masyarakat.

(END)